

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 2 APRIL 2016 (SABTU)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1	Ancaman pengganas nuklear cetus kerisauan	Utusan Malaysia
2	Pengganas nuklear amat membimbangkan dunia - Zahid	Bernama.com
3	DPM to address US nuclear safety summit	New Straits Times
4	Langkawi kekal lokasi paling lama tanpa hujan - Madius	Bernama.com
5	Matrade jalin pakatan dengan badan pengujian bagi pensijilan produk untuk eksport	Bernama.com

53 ketua negara garis tiga aspek utama

Ancaman pengganas nuklear cetus kerisauan



Saharudin
Musthafa

Melaporkan dari WASHINGTON, AS

■ WASHINGTON 1 APRIL

ANCAMAN konsep pengganas nuklear yang diketengahkan oleh Amerika Syarikat (AS) menjadi tumpuan para pemimpin dunia yang berhimpun di Sidang Kemuncak Keselamatan Nuklear (NSS) di sini yang bermula semalam.

Sehubungan itu, kesemua 53 ketua negara yang menghadiri NSS menggariskan tiga aspek utama yang berkemungkinan berlaku dan dibimbangi menggugat keselamatan sangat berikutan tindakan pengganas nuklear.

Menurut Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, aspek kebimbangan yang pertama ialah persoalan berlaku kehancuran dan kerosakan seandainya senjata nuklear jatuh ke tangan pengganas digunakan di negara-negara dan lokasi yang dituju.

Aspek kedua, kata Timbalan Perdana Menteri adalah persoalan mengenai kemusahan yang akan berlaku seandainya pengganas merampas dan menggunakan aset nuklear terutama di kawasan-kawasan reaktor tenaga itu.

Sementara aspek kebimbangan ketiga pula, tegas beliau, apa yang akan berlaku seandainya pengganas merampas bahan-bahan nuklear.

"Tiga aspek ini menjadi perbincangan penting kerana ada saranan supaya menjadikan dunia bebas daripada nuklear dan apa yang ditekankan mengenai tiga perkara ini memperlihatkan keprihatinan pemimpin-pemimpin dunia," kata beliau dalam sidang akbar bersama wartawan Malaysia di hotel penginapannya di sini.

Turut hadir Duta Besar Malaysia ke AS, Datuk Dr. Awang Adek Hussin dan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Wilfred Ma-



Tiga aspek ini menjadi perbincangan penting kerana ada saranan supaya menjadikan dunia bebas daripada nuklear dan apa yang ditekankan mengenai tiga perkara ini memperlihatkan keprihatinan pemimpin-pemimpin dunia."

AHMAD ZAHID HAMIDI
Timbalan Perdana Menteri

dius Tangau.

Ahmad Zahid sebelum itu menghadiri majlis makan malam dan perbincangan bersama ketua-ketua delegasi NSS yang dihoskan oleh Presiden AS, Barack Obama di White House.

Dalam majlis makan malam bertemakan Menilai Ancaman itu juga, Ahmad Zahid berkata, kesemua pemimpin sepakat bahawa kebimbangan bukan sahaja terhadap keselamatan senjata nuklear tetapi juga melibatkan ancaman senjata kimia dan senjata biologikal.

Menurut Timbalan Perdana Menteri, AS turut berpendapat, setiap negara di dunia terutama yang mempunyai sumber nuklear

perlu memberi perhatian serius ke atas ancaman tersebut.

"Walaupun Malaysia bukanlah sebuah negara sumber nuklear, saya tetap akan memastikan pihak Polis Diraja Malaysia dan agensi-agensi keselamatan lain memberi perhatian yang serius ke atas ancaman terkini," kata beliau.

Pada masa sama, Ahmad Zahid berkata, terdapat saranan daripada pemimpin dunia yang mencadangkan NSS yang digagaskan oleh Presiden Obama diteruskan oleh se-siapa sahaja yang bakal mengambil alih tampuk kepimpinan negara kuasa besar itu.

"Ini adalah kerana ia (NSS) bukan untuk kepentingan sesebuah negara sahaja tetapi kepentingan sejagat kerana keselamatan global adalah perkara penting," kata beliau.

Sementara itu, beliau yang juga Menteri Dalam Negeri berkata, Penasihat Keselamatan Negara AS, Susan Rice mempelawa Malaysia menyertai Sidang Kemuncak Mengenai Pelarian yang akan diadakan ketika Persidangan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di New York tidak lama lagi.

Beliau berkata, Presiden Obama berharap Malaysia dapat memainkan peranan aktif dalam persidangan itu berdasarkan sumbangan negara dalam mengendalikan 'pelarian' dari Myanmar dan Syria.

Dalam pertemuan yang turut dihadiri Pengarah Agensi Perisikan Pusat AS, John Brennan, beliau berkata, Malaysia dan AS membincangkan beberapa isu mengenai hubungan dua hala terutama berkaitan aspek keselamatan seperti isu menangani keganasan, pengganas asing dan isu Laut China Selatan.

Berhubung isu Laut China Selatan pula, Timbalan Perdana Menteri berkata, Malaysia sudah menyatakan pendirian mahu perkara itu diselesaikan segera dengan mekanisme terbaik melalui perundingan dan konsultasi agar tidak timbul sebarang ketegangan yang boleh memberi impak keselamatan kepada rantau Asia Tenggara, khususnya. - UTUSAN

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 2 APRIL 2016 (SABTU)



Penganas Nuklear Amat Membimbangkan Dunia - Zahid



global adalah perkara yang penting."

Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi sewaktu tiba di White House bagi menghadiri jamuan malam yang dihoskan oleh Presiden Barack Obama sempena Sidang Kemuncak Keselamatan Nuklear pada Khamis. **Daripada Hafizah Kamaruddin**

WASHINGTON, 1 April (Bernama) -- Ancaman penganas nuklear yang mempunyai impak besar kepada keselamatan dunia menjadi topik utama perbincangan pada Sidang Kemuncak Keselamatan Nuklear (NSS) di sini.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata isu ancaman penganas nuklear 'bukan sahaja menjadi kepentingan sesebuah negara malah kepentingan sejagat kerana keselamatan

"Untuk itu, keperihatinan dan kedulian pemimpin-pemimpin dunia mengenainya adalah amat penting," katanya kepada pemberita Malaysia pada Khamis malam.

Turut hadir **Menteri Sains, Teknologi dan Innovasi Datuk Seri Madius Tangau**.

Ahmad Zahid berkata perkara itu dizahirkan pada perbincangan semasa majlis makan malam yang dihoskan Presiden Amerika Syarikat Barack Obama sempena NSS yang bertema 'Evaluating the Threat' (Menilai Ancaman) di White House di sini, yang dihadiri ketua-ketua delegasi daripada 53 negara.

Ahmad Zahid berkata antara yang dibangkitkan ialah tiga senario yang boleh berlaku kepada dunia berkaitan senjata dan aset nuklear.

Senario pertama sekiranya senjata nuklear jatuh ke tangan penganas dan digunakan untuk menghancurkan negara-negara yang menjadi tumpuan mereka.

Senario kedua sekiranya pengganas merampas dan menggunakan aset nuklear, terutama di kawasan reaktor tenaga itu yang dijadikan janakuasa, yang boleh menyebabkan kemusnahan di kawasan itu.

"Senario ketiga mengenai rampasan bahan nuklear rentan yang boleh dijadikan senjata nuklear," kata beliau.

Ahmad Zahid yang juga Menteri Dalam Negeri berkata terdapat kesepaduan pemikiran mengenai senario berkenaan dan saranan untuk menjadikan dunia bebas daripada nuklear.

Menurutnya NSS turut membincangkan mengenai keselamatan senjata kimia dan biologikal, serta kebimbangan buat negara yang mempunyai nuklear dan negara tidak mempunyai nuklear.

Ahmad Zahid berkata pada perbincangan itu, beberapa negara menyuarakan supaya NSS, yang mula diadakan pada 2010 bagi membincangkan mengenai penganas nuklear, perlu diteruskan walaupun Obama tidak lagi menjadi Presiden Amerika Syarikat.

Beliau berkata Malaysia, walaupun bukan negara sumber bahan nuklear, tetap mahu memastikan pihak polis dan agensi-agensi keselamatan memberi perhatian serius terhadap ancaman terkini itu, yang boleh berlaku sekiranya ia dipandang remeh.

Kebimbangan dunia terhadap penganas nuklear semakin meningkat berikutan serangan penganas bunuh diri di negara-negara Eropah serta laporan yang sekurang-kurangnya dua penganas sedang menyasarkan sebuah loji nuklear di Belgium.

Mengenai pertemuannya dengan Penasihat Keselamatan Negara Amerika Syarikat Susan Elizabeth Rice pada Rabu, Ahmad Zahid berkata Rice memuji mengenai tindakan Malaysia dalam mengenai isu pelarian terutamanya pelarian Myanmar dan Syria.

Rice turut berharap Malaysia dapat menyertai Sidang Kemuncak Mengenai Pelarian yang akan dihoskan oleh Obama, katanya.

Menurutnya sidang kemuncak itu akan diadakan pada Persidangan Agung Pertubuhan Bangsa Bersatu (UNGA) yang akan datang.

Ahmad Zahid berkata beliau turut menyatakan pendirian Malaysia mengenai isu Laut China Selatan dan meminta perkara itu diselesaikan dengan segera.

"Mekanisme terbaik adalah melalui perundingan agar tidak timbul sebarang ketegangan yang boleh memberikan impak keselamatan kepada rantau Asia Tenggara khususnya," kata beliau.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
NEW STRAITS TIMES (PRIME NEWS) : MUKA SURAT 03
TARIKH: 02 APRIL 2016 (SABTU)

DPM to address US nuclear safety summit

WASHINGTON: "Nuclear terrorism" took centre stage at a dinner to commemorate the 4th Nuclear Safety Summit (NSS) here last night.

The gathering, hosted by United States President Barack Obama and attended by 53 world leaders and foreign delegates, stressed the need for all countries that possess nuclear resources to give special attention to the threat posed by the rise of "nuclear terrorists".

Themed "Evaluating the Threat",

the dinner provided an opportunity for leaders to discuss the threats posed, should nuclear resources fall into the hands of terrorists.

Deputy Prime Minister Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi said although Malaysia was not a nuclear-powered nation, the government would ensure that the police and security agencies gave serious attention to the threat.

"Several key items were discussed in the NSS. Focus was not only given

to nuclear weapons, but also to chemical and biological weapons.

"I will be delivering a national statement on Malaysia's plan to strengthen nuclear safety tomorrow (today) during the NSS plenary session," he said after the dinner at the White House yesterday.

Present were Malaysian Ambassador to the US Datuk Dr Awang Adek Hussin and Science, Technology and Innovation Minister Datuk Seri Wilfred Madius Tangau.

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 2 APRIL 2016 (SABTU)



Langkawi Kekal Lokasi Paling Lama Tanpa Hujan - Madius

KUALA LUMPUR, 2 April (Bernama) -- Langkawi, Kedah kekal menjadi lokasi paling lama iaitu 47 hari tanpa hujan hingga semalam.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Seri Wilfred Madius Tangau berkata, Arau, Perlis pula mengalami tanpa hujan selama 42 hari manakala Seberang Prai Tengah, Pulau Pinang selama 33 hari.

"Bagi bacaan suhu, secara amnya sehingga 4 petang hari ini, tiada kawasan merekodkan bacaan suhu maksimum melebihi 37 darjah celsius yang juga menamatkan gelombang haba di Alor Setar, Kedah dan Chuping, Perlis," katanya dalam kenyataan di sini, hari ini.

Pada Khamis lepas (31 Mac), Chuping dan Alor Setar dilanda gelombang haba dengan masing-masing mencapai suhu tertinggi 38.6C dan 37.9C.

-- BERNAMA

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 2 APRIL 2016 (SABTU)



Matrade Jalin Pakatan Dengan Badan Pengujian Bagi Pensijilan Produk Untuk Eksport

KUALA LUMPUR, 1 April (Bernama) -- Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade) bekerjasama dengan **Jabatan Standard, SIRIM Bhd** dan badan-badan pengujian luar negara untuk membangunkan standard pensijilan produk untuk eksport.

Ketua Pegawai Eksekutif Matrade Datuk Dzulkifli Mahmud berkata ujian produk akan dijalankan di dalam negara untuk mempercepatkan proses, mengurangkan kos sebanyak 50 peratus dan menggalakkan lebih ramai usahawan kecil dan sederhana mendapatkan pengesahan produk mereka.

Bercakap kepada pemberita pada Pameran Halal Antarabangsa Malaysia ke-13 (MIHAS) di sini hari ini, beliau berkata standard berkenaan dapat disiapkan menjelang 2018, sebelum pelaksanaan Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA).

"Kita mempunyai kepakaran dan kemudahan untuk melakukannya di dalam negara. Kita mesti bersedia dengan standard ini menjelang pelaksanaan TPPA.

"Ini akan membolehkan produk syarikat-syarikat tempatan bersaing di peringkat global, mendapat akses ke pasaran lebih maju dan diterima pasaran," katanya.

Akreditasi yang diperlukan untuk meneroka pasaran global, terutama di negara maju termasuk Titik Kawalan Analisis Kritikal Bencana (HACCP) untuk keselamatan makanan dan Amalan Pengilangan Baik (GMP) selain pensijilan Halal, yang merupakan nilai tambah untuk eksport, katanya.

Sebelum itu, Dzulkifli berkata TPPA akan membuka peluang pasaran halal tambahan kepada semua negara anggota tetapi pada masa yang sama meningkatkan persaingan pasaran.

Beliau berkata Matrade akan mencari jalan untuk membantu lebih banyak syarikat mengeksport produk halal mereka, dan memberi contoh negara-negara seperti Chile sudah mengimport sejumlah besar produk halal dari Malaysia.

Dua belas negara - Malaysia, New Zealand, Australia, Chile, Mexico, Jepun, Peru, Kanada, Vietnam, Amerika Syarikat, Singapura dan Brunei - akhirnya menandatangani TPPA di Auckland, New Zealand pada 4 Feb yang bersedia untuk mengembangkan pasaran, mengurangkan tarif dan menggalakkan perdagangan lebih bebas.

Pakatan perdagangan bebas menyeluruh itu mewakili hampir 40 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar dunia bernilai US\$30 trilion (RM124.7 trilion).

-- BERNAMA